



United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organization

**Malaysian National Commission
for UNESCO**

GARIS PANDUAN

PROGRAM GERAN SUMBANGAN SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA (SKUM)

LATAR BELAKANG

1. Malaysia telah menganggotai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sejak 16 Jun 1958. Berdasarkan Artikel VII-Perlembagaan UNESCO, setiap negara anggota digalakkan menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO di negara masing-masing bagi memudah cara dan meningkatkan keberkesanan penyampaian dan perhubungan antara UNESCO dengan negara-negara anggotanya. Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) telah ditubuhkan pada 7 Julai 1966 selaku titik rujukan dan penghubung di antara Malaysia selaku negara anggota UNESCO dengan agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tersebut terutamanya dalam memajukan bidang pendidikan, sains, kebudayaan, komunikasi dan informasi di peringkat nasional dan serantau.
2. Urus Setia SKUM bertempat di Bahagian Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia. SKUM turut dianggotai oleh sembilan (9) Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) berdasarkan portfolio Kementerian dan Jabatan yang menerajui JKT-JKT yang ditubuhkan berdasarkan bidang kompetensi UNESCO. JKT-JKT ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah Kementerian/Jabatan yang berkenaan.
3. Senarai JKT SKUM adalah seperti berikut:

- i. **JKT Pendidikan**

Urus Setia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- ii. **JKT Pendidikan Tinggi**

Urus Setia: Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

iii. JKT Sains

Urus Setia: Bahagian Antarabangsa
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

iv. JKT Sains Sosial

Urus Setia: Bahagian Hubungan Antarabangsa
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

v. JKT Komunikasi

Urus Setia: Bahagian Antarabangsa
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

vi. JKT Kebudayaan

Urus Setia: Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

vii. JKT Hubungan Luar

Urus Setia: Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan
Jabatan Hal Ehwal Pelbagai Hala
Kementerian Luar Negeri

viii. JKT Sumber Asli

Urus Setia: Unit Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)

ix. JKT Belia dan Sukan

Urus Setia: Bahagian Hubungan Antarabangsa,
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

4. SKUM selaku titik rujukan kebangsaan UNESCO di Malaysia berperanan dalam menggalakkan penyertaan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan di Malaysia dalam melaksanakan program dan aktiviti berteraskan bidang kompetensi dan keutamaan UNESCO di peringkat kebangsaan. Ini termasuklah mempromosikan matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) menjelang tahun 2030 (<http://en.unesco.org/sdgs>) di mana UNESCO terlibat dalam pelaksanaan SDG yang berkaitan dengan pendidikan, sains, sains sosial, komunikasi dan kebudayaan.

5. Program Geran Sumbangan SKUM (GSS) merupakan program tahunan oleh SKUM di mana SKUM menyalurkan sumbangan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti, program atau projek berkaitan bidang kompetensi dan keutamaan UNESCO di peringkat Kebangsaan. Permohonan bagi mendapatkan sumbangan ini adalah terbuka kepada semua pihak tertakluk kepada syarat, ketersediaan dana dan pertimbangan oleh SKUM.


SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

6. Semua permohonan perlu menepati syarat-syarat berikut:
 - (i) permohonan dibuat melalui JKT SKUM, mengikut **niche area** kementerian/jabatan tersebut. Sebagai contoh, program yang berkaitan bidang pendidikan perlulah melalui JKT Pendidikan selaku *focal point*,
 - (ii) mengemukakan permohonan yang lengkap kepada SKUM selewat-lewatnya **dua (2) bulan sebelum** program dilaksanakan;
 - (iii) tempoh penerimaan permohonan GSS bagi tahun semasa adalah **selewat-lewatnya 15 Mac**;
 - (iv) program yang dipohon hendaklah berkaitan dengan bidang kompetensi UNESCO terutamanya yang menyokong pencapaian SDG di peringkat nasional;
 - (v) permohonan perlu disertakan dengan kertas kerja yang lengkap berdasarkan format yang disediakan dan disokong oleh JKT yang berkaitan. Kertas kerja yang **tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan**;
 - (vi) mengemukakan salinan penyata bank (yang telah disahkan) bagi tujuan penyaluran peruntukan;
 - (vii) cadangan peruntukan program **tidak boleh** melibatkan perkara berikut:
 - a) pembelian aset; dan
 - b) pembayaran emolumen serta perkara-perkara lain yang tidak bersesuaian dengan program yang ingin dilaksanakan.

Rajah 1: Carta Alir Permohonan Geran Sumbangan SKUM (GSS)

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



KEPUTUSAN PERMOHONAN

7. Keputusan permohonan dan jumlah peruntukan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD**.
8. Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh diajukan kepada:

Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)
Bahagian Hubungan Antarabangsa
Aras 14, Blok No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
No. Telefon : 03-8870 5371 / 5382 / 5393 / 6049 / 6310
No. Faks : 03-8870 6817
Emel : skum.bha@moe.gov.my

Disediakan oleh:

**SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
10 JANUARI 2020**